CNS5661
U GB 20-07 00160 BB266
aab
Asean - Australia/Mahathir '''
I

SUBANG,20 Julai ,(Bernama) -- Menteri Luar Australia Gareth Evans tiba di sini malam ini, membawa bersamanya satu perutusan daripada Perdana Menterinya Bob Hawke kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memulihkan hubungan yang tel ah di ngi n antara kedua-dua negara.

Beliau enggan menghuraikan kandungan perutusan sambil berkata, +Saya t j dak dapat menyebut secara terperi nci mengenai i su y a n g saya ingin kumpulkan+.

Encik Evans di jadual menemui Perdana Menteri Selasa ini.Bel iau berada di sini untuk menghadi r-i Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Asean dengan rakan-rakan dialognya bermula Isnin ini. Selain Australia, rakan-rakan Asean ialah Ameri ka Syari kat, Jepun, Kesatuan Eropah, Korea Selatan , New Zealand clan Kanada.

Bel i au berkata int j pat-j perutusan itu akan dimasukkan dalam ucapannya' pada perjumpaan Maj 1 is Perniagaan Malaysia-Australia pada malam h a-ri Isnin.

+Saya berpendapat agak sesuai untuk menggunakan' per j umpaan itu unt uk menjelaskan, sekurang-kurangnya kepada umum, tentang hubungan dua hala antara Malaysia dan Austral ja ,+ katanya. -- Lagi

♥20/07/23-18MST

CNS5671
U GB 20-07 00200 BB267
aab
Asean - Australia/Mahathir 2 Subang '''

.Hubungan antara M a l a y s i a dan Australia menjadi dingin sejak beberapa bulan 1 epas setelah televisyen Australia m e n y i a r k a n satu siri rancangan yang member-i gambaran buruk t erhadap +sebuah negara Asi a Tenggara+, y a n g dianggap oleh pemimpin-pemimpin di sini sebagai kecaman dalam bentuk halus terhadap Malays i a.

Encik Evans mengakui bahawa hubungan Malaysia-Australia telah melalui satu +tempoh yang menyuli tkant tetapi katanya, Australia menghargai hubungannya dengan Malaysia.

+Kami akan melakukan apa y a n g patut untuk memulihkan keadaan,+ katanya.

Semasa di tanya sama ada Australia akan meminta maaf kepada M a l a y s i a, Encik Evans berkata beliau t idak seharusnya membincangkan bagaimana Canberaa akan mengendali kan masal ah i tu.

Beliau juga berkata rakyat Australia begitu mengho'rmati Datuk Seri Dr Mahathir, yang di si fatkannya sebagai seorang pemimpi n yang tmenari k, gigi h dan membina+.

Encik Evans juga rnemuji Datuk Seri Dr Mahathir kerana berjaya membawa kemajuan untuk Malaysi a clan juga wawasannya menjadikan' Mal aysi a sebuah negara **ma j** u menj elang tahun 2020.

+Terdapat keyakinan dan harapan yang tinggi terhadap masa depan negara ini dan juga dalam hubungannya dengan Australia di masa depan,+ kata beliau.

Ket ibaan Encik E v a n s dan rombongannya di sambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Abdul lah Fadzi l Che Wan. -- Bernama

♥20/07/23-44MST